



ECAH bermain dram hadiah daripada Perdana Menteri.



ECAH gembira dikelilingi keluarga, rakan serta cikgu yang banyak membantu kehidupannya.

'DEKAT DI HATI ECAH'

Remaja hilang kaki harga sokongan tidak putus-putus Harian Metro sejak tragedi

Fuzd Hadinata Yaacob
hadinata@hmetro.com.my

Abek Bernam

Sajak dimasukkan ke hospital hingga ke hari ini, Harian Metro (HM) paling dekat di hati saya...pebagai cerita mengenai saya diletakkan...terima kasih kerana banyak membantu dan

memberi sokongan kepada saya," kata Siti Nuraisyah Sahrin, 14, atau Ecah.

Menurutnya, sejak tragedi menyayat hati pada 13 Januari tahun lalu sehingga kedua-dua kakinya putus di bawah paras lutut akibat digilis lori dalam satu kemalangan, akhbar ini menyuri rapai kehidupannya.

Ecah berkata, setiap cerita yang keluar dalam media cetak dan elektronik terutama

di HM memberi kesan kepada dirinya dan keluarga.

"Sebelum ini saya biasa saja dan tiada apa-apa, tetapi selepas pelbagai cerita keluar sejak kemalangan itu, saya dikunjungi pelbagai pihak yang memberi banyak bantuan.

"Lebih mengembirakan apabila saya dapat hadiah set dram daripada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak tahun lalu yang menjadi impian saya selama ini," katanya ditemui di rumahnya.

Menurut Ecah, walaupun dia kini serba kekurangan, namun sokongan pelbagai pihak masih diterima dan dia sangat terharu serta bersemangat dalam menjalani kehidupan harian.

"Walaupun ada kekurangan, namun saya dikelilingi keluarga, rakan serta cikgu yang banyak membantu.

"Terima kasih kepada semua yang tidak putus-putus membantu dan mendoakan kesejahteraan saya," katanya.

Menyentuh mengenai kenangannya selepas kejadian menyayat hati itu, pelajar tingkatan dua Sekolah Menengah Kobangsaan (SMK) Bagan Terap itu berkata, dia tidak akan lupa apabila wartawan termasuk HM berkemungkinan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HAR) untuk membuat liputan

Terima kasih kepada semua yang mendoakan kesejahteraan saya Ecah

"Meskipun ketika itu saya terkejut dan penat kerana ramai orang melawat saya di hospital, namun saya berterima kasih kepada semua yang banyak memberi sokongan.

"Saya tidak akan lupakan sepanjang di HAR, saya menjadi tumpuan pelbagai media termasuk HM yang serta menemani saya sepanjang di situ," katanya.

Kisah Ecah menjadi tular selepas gambarnya yang tidak menangis selepas kejadian itu tersebar di media sosial pada hari kejadian.

Selepas kedua-dua kakinya digilis lori, Ecah dilihat tidak menitis air mata.

Sementara itu, bapa tirinya, Roslan Sardi, 41, berkata, sejak kejadian itu Ecah menjadi tumpuan bukan saja media cetak dan elektronik, badan bukan kerajaan hingga orang ramai.

Menurutnya, Ecah anak yang kuat dan tabah dan sebagai bukti kejadian itu menggambarkannya.

"Saya tidak tahu bagaimana Ecah dapat kekuatan kerana dia bukan saja tak menangis selepas kejadian itu dia sempat berguru dengan adik beradik lain.

"Sejak Ecah terabit kemalangan sehingga dia ber-

tanding untuk menjadi atlet, HM banyak memaparkan kisahnya.

"Saya akui, HM akhbar nombor satu paling banyak menyiarkan cerita mengenai Ecah...terima kasih HM kerana banyak memberi sokongan kepada Ecah selama ini," katanya.

Mengenai kehidupan Ecah ketika ini, Roslan berkata, selain mengikuti sesi persekolahan seperti biasa Ecah juga giat menjalani latihan angkat berat sebagai persediaan menghadapi pemilihan ke Sukma ASEAN Para Games di Kuala Lumpur tahun ini.



ECAH menjalani kaedah angkat berat bersuana jureidiknya.



ROSLAN mendoakan Ecah ketika menjalani latihan angkat berat.